

Juadah berbuka dijual mahal

DALAM kerancangan menjalani ibadat puasa sepanjang Ramadan, kita dihujani banyak pilihan ketika menjelang waktu berbuka. Selepas penat bekerja, ada yang mengambil jalan mudah untuk berbuka di luar atau membeli juadah di luar. Kesibukan tugas kadangkala membuatkan kita tidak mempunyai masa untuk memasak.

Walau apa pun cara kita berbuka, kita tidak boleh melupakan perkara fardu seperti menunaikan tanggungjawab solat Maghrib dan tuntutan supaya tidak membazir ketika berbuka.

Perkara yang amat menarik hati ketika menjenguk ke gerai yang menjual juadah berbuka ialah sikap se-setengah peniaga mengambil kesempatan mengeksploitasi pelanggan.

Sebagai contoh, ketika membeli roti jala, kita mendapati kuah kari sudah dicampurkan dengan terlalu banyak air menyebabkan makanan tidak tahan lama.

Kemungkinan ia disebabkan perbuatan mengitar semula makanan hari sebelumnya.

Selain itu, perbuatan peniaga yang menaikkan harga hingga ke tahap tidak munasabah juga perlu dielak. Pelik betul sekiranya makanan yang sama sebelum Ramadan dijual dengan harga yang jauh berbeza di pasar Ramadan.

Diriwayatkan, Abu Hurairah berkata: Rasulullah SAW melarang daripada melakukan jual beli secara campak batu dan juga jual beli secara penipuan".

Kesimpulan yang boleh didapati daripada hadis itu ialah, Rasulullah SAW melarang umatnya melakukan penipuan dalam menjalankan aktiviti jual beli. Pernah suatu ketika, Rasulullah lalu berhampiran seorang lelaki yang menjual makanan kering, lalu baginda benamkan tangannya ke dalam makanan kering itu dan didapati di bawahnya basah. Lelaki itu memberi alasan ia terkena hujan, maka diletakkan di bawah. Maka baginda bersabda, "Sesiapa yang menipu maka dia bukan daripada golongan kita".

Jika kita lihat perbuatan lelaki itu, tidak seberapa berbanding perbuatan segelintir peniaga pasar Ramadan yang menjual makanan basi dan boleh mendatangkan mudarat kepada pembeli.

Dengan bermotifkan keuntungan yang tidak seberapa, peniaga sanggup mempermainkan etika yang sudah sewajarnya diikuti dan dilaksanakan.

Jika dilihat dari sudut sejarah, Nabi Muhammad adalah seorang peniaga yang dikenali dengan sifat kejujurannya yang amat tinggi dan terpuji.

Kejujuran Baginda menyebabkan digelar 'al-Amin'. Oleh itu, wajarlah sempena bulan mulia ini, peniaga mengambil kesempatan beramal dengan melakukan kebaikan seperti melebihkan timbangan dan tidak berkira mengenai harga ketika menjual kerana perniagaan juga adalah cabang ibadat.

**MOHAMMAD
NOORIZZUDDIN NOOH,
USIM, Nilai, Negeri Sembilan.**